

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : BILANGAN KILANG YANG BERDAFTAR DAN TIDAK BERDAFTAR DI
MERU**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik terkini kilang-kilang yang beroperasi secara sah atau secara haram di Meru?
- b) Apakah statistik penggunaan tenaga manusia tempatan berbanding orang asing di sektor perkilangan di Meru yang terkini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kilang-kilang yang beroperasi secara sah di Meru adalah sebanyak 235 buah. Manakala sejumlah 46 kilang telah dikenalpasti di dalam Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Majlis Perbandaran Klang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 24 buah kilang telah memperolehi kelulusan Kebenaran Merancang. Selebihnya, 22 buah kilang telah diberikan notis supaya mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (bagi di dalam zon industri) dan berpindah ke lokasi yang sesuai iaitu kawasan perindustrian yang dikhaskan (bagi di luar zon industri).
- b) Majlis Perbandaran Klang tiada maklumat mengenai statistik penggunaan tenaga manusia tempatan berbanding orang asing di sektor perkilangan di Meru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : TANAH-TANAH MILIK JKKK DI MERU

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik tanah-tanah milik JKKK yang terkini di bawah Kerajaan Negeri?
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan mengawal penggunaan tanah-tanah JKKK?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan yang dibuat mendapati tiada tanah kerajaan Negeri yang diberi milik kepada JKKK.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PROJEK MEMBAIKI JALAN-JALAN KAMPUNG

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah projek-projek yang sedang berjalan dan akan dibuat dalam jangka masa 5 tahun lagi bagi menaik taraf atau membina semula jalan-jalan kampung di Meru?
- b) Apakah proses yang perlu bagi penduduk bagi mencepat dan mempermudah urusan pembinaan dan membaiki semula jalan-jalan kampung serta lorong-lorong?
- c) Apakah anggaran kos kasar bagi membina atau membaiki semula jalan-jalan kampung serta lorong-lorong?

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini terdapat dua (2) projek pembangunan jalan kampung di kawasan DUN Meru seperti berikut:
 - i) Kerja membaikpulih dan menurap semula sebahagian jalan di Lorong Belimbing Tambahan, Kampung Meru, Klang dengan kos berjumlah RM88,758.04.
 - ii) Kerja membaikpulih dan menurap semula jalan di Lorong Nan Yoon Keong, Lot 26387, Jalan Sg. Putus /KU3, Kampung Batu Belah, Klang dengan kos berjumlah RM42,458.31.

Bagi perancangan 5 tahun lagi bagi menaik taraf atau membina semula jalan-jalan kampung di Meru, pentadbiran Pejabat Daerah/Tanah Klang akan mengguna peruntukkan dari Kerajaan Negeri dan peruntukkan MARRIS dari Kerajaan Persekutuan.

b) Sekiranya cadangan pembinaan jalan-jalan kampung atau lorong-lorong akan melalui tanah hak milik persendirian, pemohon hendaklah membuat permohonan “Kebenaran Memberi Izin Lalu Di Atas Tanah Hak Milik Persendirian” dengan menggunakan borang yang boleh diperolehi di kaunter Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah/Tanah. Pemohon juga perlu melampirkan bersama salinan dokumen sokongan seperti Kad Pengenalan/Sijil Kematian, Surat Hak Milik Tanah dan Cukai Tanah. Sekiranya permohonan pembinaan dan pembaikan jalan di atas tanah rezab, ianya telah didaftarkan dalam sistem MARRIS. Kedua-dua proses jalan izin lalu dan rezab akan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri atau MARRIS mengikut kesesuaian.

c) Kos kasar bagi membina atau membaiki semula jalan-jalan kampung atau lorong-lorong adalah bergantung kepada saiz, kelebaran/panjang dan keadaan fizikal dan persekitaran tanah yang akan dilalui pembinaan jalan-jalan yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, secara asasnya bagi penurapan jalan kampung, kos pengiraan asas adalah seperti berikut:

(i) 1m^2 *chrusher run* (batu hancur jalan) = RM11/m²
(ketebalan = 100 mm)

(ii) 1m^2 ACWC 14 mm = RM26/m² (termasuk *tack coat*)
(ketebalan = 50 mm)

(iii) 1m^2 ACBC 28 mm = RM26/m² (termasuk *prime coat*)
(ketebalan = 50 mm)

*ACWC: *Asphalt Concrete Wearing Course*
(*lapisan haus*)

*ACBC: *Asphalt Concrete Binder Course*
(*lapisan pengikat*)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : DEWAN BALAI RAYA DI MERU

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah dewan balai raya di DUN Meru serta lokasi kedudukan dewan ini?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membaiki dan menaik taraf dewan balai raya yang uzur dan rosak di Meru?

JAWAPAN:

- a) Jumlah dan lokasi Dewan/Balairaya yang terdapat di DUN Meru adalah seperti berikut:-

Bil.	Lokasi Dewan/Balairaya	Catatan
1.	Dewan Serbaguna Meru, Pekan Meru, Klang	Dewan Serbaguna
2.	Kawasan lapang, Jalan Seri Kenangan 1, Taman Meru 3.	Balairaya
3.	Jalan Lingkungan, Taman Berkat Pekan Meru.	
4.	Kawasan lapang, Jalan Kopi, Bukit Kapar.	
5.	Kawasan lapang Jalan Dato' tahir 3, Pekan Kapar.	
6.	Kawasan lapang Jalan Hamzah Alang 3, Taman Sentosa, Pekan Kapar.	
7.	Kawasan lapang, Jalan Padang, Taman Mutiara, Kapar.	

- b) Majlis Perbandaran Klang akan mengenalpasti balairaya yang uzur dan rosak serta akan membaikpulih dan menaiktaraf secara berperingkat. Kerja-kerja menaiktaraf Dewan Meru telah dibuat dan siap sepenuhnya pada 7.06.2018 hingga 15.08.2018 manakala untuk kerja-kerja baikpulih/naiktaraf Balai Raya Meru telah dimasukkan ke Perancangan Bajet Majlis pada tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KADAR PREMIUM TANAH YANG TINGGI

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kaedah penilaian yang digunakan oleh JPPH untuk menentukan kadar nilai sesuatu lot tanah?
- b) Dan apakah rancangan bagi mengurangkan kadar bebanan kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Premium tanah perlu dibayar apabila berlaku permohonan penilaian untuk maksud Tukar Syarat, Pemberimilikan Tanah dan Perlanjutan Tempoh Pajakan.

Asas penilaian:

- i. Penilaian untuk maksud Tukar Syarat adalah nilai pasaran berasaskan kepada kegunaan tanah yang **diluluskan** mengikut Peruntukan Kaedah Tanah Negeri Selangor.
- ii. Penilaian untuk maksud Pemberimilikan Tanah adalah nilai pasaran berasaskan kepada kegunaan tanah yang **dipohon** mengikut Peruntukan Kaedah Tanah Negeri Selangor.
- iii. Penilaian untuk maksud Perlanjutan Tempoh Pajakan adalah nilai pasaran berasaskan kepada kegunaan tanah yang **dipohon** mengikut Peruntukan Kaedah Tanah Negeri Selangor.

Dalam menentukan kadar nilai tanah sesuatu lot tanah bagi kes Tukar Syarat, Pemberimilikan Tanah dan Perlanjutan Tempoh Pajakan, kaedah penilaian yang digunakan adalah Kaedah Perbandingan atau Kaedah Baki.

Kaedah Perbandingan:

Kaedah ini adalah satu proses di mana harta tanah yang dinilai dibandingkan dengan harga tanah serupa yang telah dijualbeli di kawasan berdekatan / kawasan sekitar. Di dalam kaedah ini bukti jualbeli harta tanah serupa dianalisis dan pelarasan hendaklah dibuat untuk menunjukkan perbezaan antara harta tanah yang dinilai dengan perbandingan.

Pelarasan perbezaan bagi faktor seperti masa, saiz, pegangan hakmilik, topografi tanah, bentuk, jenis, keadaan sekitar, perancangan, densiti pembangunan dan sebagainya hendaklah diambilkira.

Kaedah Baki

Kaedah baki adalah berasaskan konsep bahawa nilai pasaran sesuatu harta tanah adalah bergantung kepada potensi pembangunan harta tanah tersebut. Melalui Kaedah Baki, potensi pembangunan harta tanah tersebut dapat ditunjukkan oleh perbezaan antara nilai pembangunan kasar dan kos pembangunan.

Kaedah baki biasanya digunakan untuk menilai sesuatu harta tanah yang mempunyai potensi pembangunan atau pembangunan semula berdasarkan kegunaan tanah yang tertinggi dan terbaik (*higest and best use*). Kaedah ini amat sesuai digunakan untuk menilai harta tanah yang mempunyai pelan tatatur (*layout plan*) yang telah diluluskan.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan bebanan kewangan rakyat bagi melaksanakan tanggung jawab melunaskan bayaran premium tanah kepada Kerajaan Negeri apabila kelulusan pemberimilikan tanah ataupun kelulusan melanjutkan tempoh pajakan tanah telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Peningkatan kos sara hidup telah menyebabkan ketidakmampuan rakyat untuk menjelaskan bayaran premium dalam tempoh yang ditetapkan sehingga menyebabkan kelulusan pemberimilikan terbatal.

Oleh itu Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan Pekeliling-Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor yang boleh dilayari melalui laman sesawang PTGS sebagai rujukan awam mengenai insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kadar bebanan kepada rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEMELUT SIJIL PSRA SEKOLAH KAFA JAIS DENGAN SIJIL UPKK KPM

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) UPKK adalah penilaian di Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan (KPM) sedangkan PSRA adalah penilaian Tahun 6 di sekolah yang di bawah JAIS. Penilaian PSRA lebih ketat berbanding dengan UPKK. Apakah status taraf sijil PSRA digunakan sebagai syarat memasuki SBP KPM?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyeragamkan kedua-dua sijil ini supaya satu standard sahaja digunakan bagi memohon kemasukan ke SBP KPM?

JAWAPAN:

- a) UPKK peperiksaan yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bukan di Sekolah Kebangsaan (KPM).
 - i. Tanggungjawab :
 - UPKK : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
 - PSRA : Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
 - ii. UPKK adalah penilaian bagi murid tahun 5 manakala PSRA bagi murid tahun 6.
 - iii. UPKK dan PSRA di Selangor dilaksanakan di:
 - Sekolah Rendah Agama (SRA)
 - Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI)
 - Kelas Al Quran dan Fardu Ain (KAFaI)
 - Sekolah Rendah Islam (SRI) berdaftar di bawah JAIS
 - iv. Status taraf sijil PSRA adalah lulus (Maqbul) bagi syarat minima kemasukan murid ke:
 - Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
 - Kelas KAFA Menengah (KKM)
 - v. Calon sijil PSRA yang cemerlang (mumtaz) mempunyai *kelebihan bagi kemasukan murid ke:

- Sekolah Berasrama Penuh (SBP KPM)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)
- Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).
- Kelas Aliran Agama (KAA)
- Mahaad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS)

*Nota

- Syarat Permohonan Kemasukan SBP KPM Tingkatan 1, perkara 12 iaitu Kelayakan Sijil Agama (SDEA/ PSRA) diambil kira sebagai syarat pengambilan.
 - Kelebihan murid di Negeri Selangor yang belajar di SRA, SRAI, KAFAI dan SRI mereka mempunyai 2 sijil iaitu UPKK dan PSRA di mana kedua-dua sijil menjadi syarat kemasukan ke SBP KPM. Berbeza dengan murid di negeri lain yang mempunyai satu sijil sahaja iaitu UPKK.
- b) Rancangan Kerajaan Negeri untuk menyeragamkan kedua-dua sijil ini supaya satu standard sahaja digunakan bagi memohon kemasukan ke SBP KPM ialah seperti berikut:
- i. Penilaian dan pensijilan mempunyai nilai dan prospek yang tersendiri.
 - ii. Murid yang cemerlang di dalam UPKK pada kebiasaannya juga akan bermotivasi untuk cemerlang di dalam PSRA
 - iii. Murid yang mempunyai sijil UPKK dan PSRA mempunyai kelebihan dan nilai tambah untuk bersaing untuk mendapat tempat di sekolah kawalan di bawah KPM dan agensi lain.
 - iv. Penyeragaman untuk standard dan merit kemasukan ke SBP KPM boleh dibuat melalui permuafakatan dan perbincangan antara JAIS dan KPM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan tempatan atau pemilik bangunan awam atau swasta yang menjaga kemudahan tandas OKU supaya tidak disalah gunakan oleh pihak lain. Adakah Kerajaan Negeri akan mengikut Kerajaan Pusat dengan membenarkan golongan transgender menggunakan tandas OKU?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, "OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat".

Terdapat 7 kategori OKU yang boleh dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti OKU Pendengaran, Penglihatan, Pertuturan, Fizikal, Masalah Pembelajaran, Mental dan Pelbagai

Merujuk kepada definisi OKU yang termaktub dalam Akta OKU 2008, transgender tidak dikategorikan sebagai OKU. Penyediaan tandas OKU adalah selaras dengan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 iaitu kemudahan meningkatkan aksesibiliti golongan OKU supaya lebih produktif dan inklusif dalam masyarakat. Ianya juga selaras dengan Seksyen 26 Akta Orang Kurang Upaya 2008 iaitu akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam.

Kewajaran golongan transgender untuk menggunakan tandas OKU masih belum diputuskan di peringkat dasar. Kerajaan juga belum ada sebarang pengiktirafan dalam bentuk akta atau dasar bagi golongan transgender.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unit rumah mampu milik Rumah Selangorku yang telah berjaya dibina di dalam kawasan DUN Taman Templer dan berapa jumlah unit dalam perancangan yang akan dibina?

JAWAPAN:

- a) Data Rumah Selangorku di daerah Gombak khususnya di bawah seliaan Majlis Perbandaran Selayang adalah seperti berikut :-

Siap Dibina	Dalam Pembinaan	Dalam Perancangan	Jumlah
Tiada	1 (244)	25 (17,355)	26 (17,599)

Berikut adalah senarai dan perincian projek Rumah Selangorku dalam pembinaan di Daerah Gombak:-

No	Pemaju	Projek	Jenis Unit	Harga	Tarikh siap pembinaan
1	Elite Park Development Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad.)	Di Atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	244 (Jenis C)	RM180,000.00	2018

Perincian projek dalam peringkat perancangan :-

No	Pemaju	Projek	Jenis Unit	Harga
1	Sumbang Perkasa Sdn. Bhd. (Kota Damai Padu Sdn. Bhd.)	Hakmilik PT 35427 HS(M) 17342 Sungai Bakau, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	86 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
2	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak.	70 (Jenis A)	RM42,000.00 (Jenis A)
			201 (Jenis B)	RM100,000.00 (Jenis B)
			14 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
			14 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
3	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.)	Lot 23124, No. Hakmilik 93260, Bandar Kundang, Daerah Gombak.	96 (Jenis C1)	RM150,000.00 (Jenis C1)
4	Sanjung Segar Development Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HS(D) 67904 PT 3868 Dan HS(D) 67905 PT 3869 Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak.	48 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
5	Kismajaya Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik PN 7136 PT 4992 (Sebahagian Lot Lama 6995), Kampung Pasir Tambahan, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	60 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)

No	Pemaju	Projek	Jenis Unit	Harga
6	Ratus Bayan Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 72504 PN 91970, Taman Raintree, Bandar Selayang, Daerah Gombak.	260 (Jenis A)	RM42,000.00 (Jenis A)
			93 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
			157 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
7	Hype Park City Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 863, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	93 (Jenis B)	RM100,000.00 (Jenis B)
			157 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
8	Hong Bee Realty Sdn. Bhd.	Di Atas Sebahagian Lot848 (PT1729), HS(D)58375, Lot997, GRN52207, Lot982, GRN49285 Dan Sebahagian Lot934, GRN51712, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	1,438 (Jenis A)	RM42,000.00 (Jenis A)
			721 (Jenis B)	RM100,000.00 (Jenis B)
			2,163 (Jenis C1)	RM150,000.00 (Jenis C1)
			2,880 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
9	Rasa Anggun Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 15865 Lot 18059, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	62 (Jenis A)	RM42,000.00 (Jenis A)
			60 (Jenis B)	RM100,000.00 (Jenis B)
			60 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
			58 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)

No	Pemaju	Projek	Jenis Unit	Harga
10	Engtex Plantinum Sdn. Bhd.	Ke Atas Hakmilik GRN 44859 Lot 1855, GRN 44860 Lot 1886 Dan GRN 45235 Lot 1888, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	252 (Jenis B)	RM100,000.00 (Jenis B)
			202 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
			100 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
11	KLH Melawati Sdn. Bhd.	Di Atas PT 18572 Hingga PT 18589 (Lot Lama 1231), Di Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	30 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
12	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Di Atas Hakmilik PT 6307 HS(D)58491 Sebahagian Lot 9877, Mukim Batu Daerah Gombak.	340 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
13	Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB Properties S/B)	Di Atas 18034 PN 111694, Pekan Pengkalan Kundang, Daerah Gombak.	19 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
14	SSL Capital Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik PT 1435, Bandar Selayang , Daerah Gombak.	165 (Jenis B)	RM100,000.00 (Jenis B)

No	Pemaju	Projek	Jenis Unit	Harga
15	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad.)	Di Atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	244 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
16	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Lot 174 (PM6401), 177 (PM6402), 178 (PM6403), 179 (PM6404), 180 (PM6405), 181 (PM6406), 182 (PM6407), 183 (PM6408), 200 (PM6409) Dan 201 (PM6410) Di Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	1,193 (Jenis A) 536 (Jenis B) 1,518 (Jenis C2) 1,877 (Jenis D)	RM42,000.00 (Jenis A) RM100,000.00 (Jenis B) RM180,000.00 (Jenis C2) RM220,000.00 (Jenis D)
17	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Lot 255 (PA 1451), 46192, 46193, Dan 46194 (PA 53465), Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
18	Semai Meranti Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad)	Di Atas PT 2802 HS(D) 75285, Mukim Rawang Daerah Gombak.	222 (Jenis C2)	RM180,000.00 (Jenis C2)
19	Setia Eco Templer Sdn. Bhd.	PN 16838 Lot 614 dan PN 17396 Lot 11, Pekan Templer, Daerah Gombak.	180 (Jenis A) 180 (Jenis C2) 540 (Jenis D)	RM42,000.00 (Jenis A) RM180,000.00 (Jenis C2) RM220,000.00 (Jenis D)

No	Pemaju	Projek	Jenis Unit	Harga
20	Jelita Megamas Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1327 dan Lot 1328, Kanching, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	38 (Jenis C1)	RM150,000.00 (Jenis C2)
			38 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
21	Jelita Megamas Sdn. Bhd. Dan Encik Zamri Bin Mappul	Di Atas Lot 37440, Kanching, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	12 (Jenis C1)	RM150,000.00 (Jenis C2)
			12 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
22	Ideal Masjaya Sdn. Bhd.	Di Atas PT 38859, Sungai Mangga, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	30 (Jenis C1)	RM150,000.00 (Jenis C2)
			30 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
23	Mediterranean View Development Sdn. Bhd.	PN 97754 Lot 85738, Mukim Rawang, Daerah Gombak		
24	Semai Meranti Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad)	Di Atas PT2500 dan Pt2501, Mukim Rawang, Daerah Gombak	134 (Jenis C2)	RM200,000.00 (Jenis C2)
25	Scientex Park (M) Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik Geran 315412 Lot 12165 di Mukim Rawang, Daerah Gombak	63 (Jenis A)	RM42,000.00 (Jenis A)
			63 (Jenis B)	RM100,000.00 (Jenis B)
			64 (Jenis C1)	RM150,000.00 (Jenis C1)
			64 (Jenis D)	RM220,000.00 (Jenis D)
Jumlah			17,355 Unit	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : INSTITUSI MASJID

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan dan pelan Kerajaan Negeri khususnya JAIS untuk membangunkan institusi masjid menjadi berdikari dan profesional seperti masjid-masjid luar negara?

JAWAPAN:

- a) Langkah dan perancangan yang sedang diambil adalah seperti berikut:
- i. Memberikan latihan pengurusan masjid secara berterusan kepada pegawai dan ahli jawatankuasa masjid.
 - ii. Menyediakan modul latihan yang komperhensif melalui Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS) seperti modul berikut:
 - Kursus Imam Profesional
 - Kursus Pengurusan Kewangan cemerlang
 - Kursus Pengurusan Masjid Cemerlang
 - Kursus Pemantapan Dan Pemerkasaan Pengurusan Masjid Dan Surau
 - Konvensyen Integriti Dalam Pengurusan Masjid dan Surau.
 - iii. Mewujudkan Sistem Smart Masjid Negeri Selangor yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' MB Selangor pada 7 April 2018 yang merangkumi perisian urusan sistem pengurusan kewangan online, pengurusan sumber manusi dan daftar ahli kariah *online*.

Bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dalam meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai kelebihan ibadah wakaf dan infaq yang menjadi sumber alternatif bagi membiayai pembangunan dan penyelenggaraan prasarana masjid agar tidak bergantung terus 100% kepada sumber kerajaan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan oleh Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan menambah baik bantuan pendidikan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan oleh Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan menambah baik bantuan pendidikan di Selangor adalah sebanyak RM24,000,000.00 setahun dengan pecahan seperti berikut:

BIL.	JENIS SEKOLAH	JUMLAH
1.	Sekolah Agama Rakyat	RM10,000,000.00
2.	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (Termasuk Sekolah Menengah Persendirian)	RM8,000,000.00
3.	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	RM5,000,000.00
4.	Sekolah Mubaligh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan	RM1,000,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM24,000,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PERSOALAN MENANGANI GEJALA SOSIAL

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan konprehensif dan praktikal Kerajaan Negeri dalam menangani masalah gejala sosial masyarakat khususnya LGBT?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PELAKSANAAN BANTUAN PENDIDIKAN PEDULI SISWA

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan Bantuan Peduli Siswa yang sekarang ini dikhususkan kepada beberapa universiti sahaja?

JAWAPAN:

- a) Program Khas Peduli Siswa yang dikhususkan kepada 4 universiti awam dalam Selangor masih diteruskan bagi tahun 2018. Sehingga Ogos 2018, seramai 1,306 pelajar telah menerima manfaat di bawah program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MEMBINA PARKIR BERTINGKAT

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina parkir bertingkat di sekitar Stadium Majlis Perbandaran Selayang lantaran masalah kekurangan tempat meletakkan kenderaan di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di sekitar Stadium Majlis Perbandaran Selayang, pihak majlis melalui lantikan perunding perlu menjalankan kajian terperinci bagi mengenal pasti tapak cadangan yang bersesuaian serta penyediaan kos reka bentuk dan kos pembinaan kemudahan parkir bertingkat tersebut. Oleh yang demikian, pihak majlis akan mengemukakan permohonan cadangan kerja bagi mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor terlebih dahulu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : ISU BANJIR KILAT

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menangani isu banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Batu 16 dan Kampung Melayu Batu 16 Rawang?

JAWAPAN:

- a) Masalah banjir kilat di kawasan Kg Melayu Batu 16 berpunca daripada sistem saliran dalaman sedia ada yang telah uzur dan perlu dinaiktaraf. Selain itu, terdapat pembentung yang dibina oleh penduduk kampung dengan saiz yang tidak sesuai '*undersize*' menyebabkan gangguan ke atas aliran air yang melaluinya seterusnya menyebabkan aliran balik air "*backflow*" dan limpahan air dari saluran terbuka. Longkang sediaada tidak dapat menampung kapasiti air yang melaluinya kerana dipenuhi kelodak dan sampah sarap yang terperangkap di dalam longkang yang tertutup (covered drain) menyebabkan banjir kilat terjadi.

Bagi langkah jangka pendek, pihak JPS Gombak telah menjalankan kerja-kerja mengorek kelodak longkang saliran dalaman yang dibina oleh PLB dengan kos RM 20,000 pada tahun 2018.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Untuk makluman, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia akan membuat kajian induk sistem saliran di Pekan Rawang/Kuang pada tahun 2019. Hasil dapatan kajian akan digunakan sebagai asas untuk permohonan peruntukan bagi menaiktaraf sistem saliran di kawasan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PERUMAHAN TERBENGKALAI

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menangani projek perumahan yang terbengkalai di kawasan DUN Taman Templer?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai di kawasan DUN Taman Templer walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhadap kepada tindakan secara pentadbiran sahaja tetapi kuasa pemulihan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui LPHS bagi memastikan usaha pemulihan perumahan terbengkalai dapat disiapkan adalah seperti berikut :

- i. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan sentiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi. Keahlian JPPT (Jawatankuasa Induk) adalah seperti berikut :

Bil.	Jabatan / Ahli	Catatan
1.	Y.B. EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar	Pengerusi
2.	Y.B. Penasihat Undang-Undang	Ahli Mesyuarat
3.	Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Ahli Mesyuarat
4.	Pembantu EXCO Perumahan Dan Kehidupan Bandar	Ahli Mesyuarat
5.	Jabatan Kerja Raya	Ahli Mesyuarat
6.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	Ahli Mesyuarat
7.	Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	Ahli Mesyuarat
8.	Pejabat Tanah Dan Daerah	Ahli Mesyuarat
9.	Pihak Berkuasa Tempatan	Ahli Mesyuarat
10.	Panel Juru Ukur Bahan	Ahli Mesyuarat
11.	Panel Jurutera	Ahli Mesyuarat
12.	Panel Penilaian	Ahli Mesyuarat
13.	Pemaju	Ahli Mesyuarat
14.	Jabatan Insolvensi Malaysia / Pelikuidasi Swasta	Ahli Mesyuarat
15.	Jawatankuasa Pembeli / Pembeli Rumah	Ahli Mesyuarat
16.	Bank	Ahli Mesyuarat

*Kehadiran ahli tertakluk dalam mesyuarat yang dibincangkan

- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbenkakai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.

- iii. LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama *pelikuidasi* (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- iv. LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- v. Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek
- vi. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- vii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "***breach of contract***" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : USAHA MEMBASMI KEMISKINAN

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu kemiskinan dan isu kesenjangan pendapatan antara bandar dan luar bandar di Selangor yang sebelum ini diusahakan oleh Program Inisiatif Peduli Rakyat?

JAWAPAN:

- a) Saban tahun menyaksikan Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu dalam usaha memberi manfaat berterusan kepada rakyat terutamanya dalam meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya golongan yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan. Dimensi yang diberikan fokus utama oleh Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kadar kemiskinan adalah merangkumi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat. Namun begitu, bagi mengatasi isu kesenjangan atau ketidakseimbangan pendapatan di antara bandar dan luar bandar, Kerajaan Negeri melihat bahawa langkah meneruskan kesinambungan “peduli rakyat” melalui pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) merupakan penyelarasan yang tepat dalam merapatkan jurang pendapatan rakyat di bandar dan di luar bandar.

Sebagai contoh, Program-program Bantuan Pengupayaan Ekonomi seperti Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan Nelayan dan Akuakultur, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan serta pelbagai lagi diyakini dapat terus berdiri menjadi paksi dalam mengimbangi pertumbuhan sosial dan ekonomi di antara bandar dan luar bandar. Melalui program-program tersebut, ianya dijangka berupaya melonjakkan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin yang akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada kitaran kemiskinan. Ini secara tidak langsung akan menghasilkan impak positif terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan.

Kerajaan Negeri juga sedar bahawa kesenjangan pendapatan di antara bandar dan luar bandar merupakan salah satu punca penghijrahan golongan generasi muda ke kota. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan meneruskan dan memperkukuh program-program pembangunan sosio ekonomi khususnya di kawasan luar bandar dalam memastikan pembangunan dan kemajuan sosio

ekonomi luar bandar sejajar dengan perkembangan semasa yang membolehkan golongan ini memajukan diri di tempat lahir sendiri. Namun demikian, pada masa yang sama, golongan yang tinggal di kawasan bandar juga tidak ketinggalan untuk dibantu dalam memastikan tidak wujud jurang pendapatan yang besar di antara bandar dan luar bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : TERMINAL BAS SEMENYIH

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah bas Smart Selangor diperuntukkan bagi laluan Beranang-Semenyih-Kajang? Jika ada, berapa banyak yang diperuntukkan?
- b) Apakah nasib Terminal Bas Semenyih di Semenyih Sentral? Adakah akan diteruskan sebagai terminal bas atau diubah kepada bangunan serba guna yang boleh memberi manfaat kepada awam seluruhnya?
- c) Apakah usaha-usaha dan rancangan yang dilakukan bagi menambahbaik sistem pengangkutan awam di Semenyih?

JAWAPAN:

- a) Adalah dimaklumkan, MPKj masih belum mempunyai peruntukan cadangan bagi laluan Beranang-Semenyih-Kajang untuk tahun 2018.

Disamping itu, cadangan laluan baharu bas Smart Selangor tertakluk kepada peruntukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor mempunyai lebih peruntukan bagi tambahan laluan di kawasan tersebut, pihak MPKj bersedia membuat kajian dan cadangan laluan baharu.

- b) Pihak Majlis Perbandaran Kajang masih meneliti permohonan serta cadangan dari pihak syarikat dan individu luar bagu membangunkan terminal bas tersebut untuk pelbagai kegunaan . Walaubagaimanapun berhubung status perubahan terminal bas tersebut, ianya perlu di kaji semula memandangkan status dan kegunaan bangunan tersebut adalah sebagai Kawasan Terminal Bas di Semenyih.
- c) Dimaklumkan bahawa pada masa kini pihak Majlis masih belum mempunyai perancangan yang khusus dalam menambahbaik sistem pengangkutan di Semenyih. Walau bagaimanapun, pihak Majlis komited dalam memberi perhatian dalam penyediaan sistem pengangkutan yang efisien kepada seluruh penduduk di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KESELAMATAN JALAN RAYA

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang disediakan bagi proses membaikpulih dan pemasangan baru bagi lampu jalan di DUN Semenyih?
- b) Apa usaha-usaha terkini bagi menaiktaraf sistem 'traffic light' di kawasan DUN Semenyih terutamanya di kawasan Tesco Rinching kerap kali berlaku kerosakan dan mengakibatkan kemalangan maut?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan yang disediakan bagi proses membaikpulih dan pemasangan baru bagi lampu jalan di DUN Semenyih seperti berikut:

Tahun 2016 :

- 1) Cadangan lantikan kontraktor panel bagi kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan bagi kawasan ahlim majlis zon 15, zon 16 dan zon 17. RM300k (8/9/16 - 9/6/17)
- 2) Cadangan lantikan kontraktor panel bagi kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan bagi kawasan ahli majlis zon 18 dan zon 19. RM300k (8/9/16 - 9/6/17)

Tahun 2017 :

- 1) Kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan awam di Bandar Teknologi Kajang bagi Program Bandar Selamat dibawah peruntukkan Kerajaan Persekutuan 2017. RM182,983.00 (19/6/17 - 30/7/17)
- 2) Kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan di Taman Harmoni. RM42,364.00 (ISF) (25/9/17 - 5/11/17)
- 3) Cadangan lantikan kontraktor panel bagi kerja-kerja penggantian kabel lampu jalan bagi kawasan Ahli Majlis zon 15, zon 16, zon 17 RM 130k (21/9/17-31/12/17)

- 4) Cadangan lantikan kontraktor panel bagi kerja-kerja pengantian kabel lampu jalan bagi kawasan Ahli Majlis zon 18 dan zon 19 RM 130k (21/9/17 – 31/12/17)

Tahun 2018 :

- 1) Cadangan lantikan kontraktor panel bagi kerja-kerja penyelenggaraan bagi zon 18 dan zon 19 RM350K (1/1/2018 – 31/2/2018)
 - 2) Cadangan lantikan kontraktor panel bagi kerja – kerja penyelenggaraan bagi zon 15, zon 16 dan zon 17 RM350 (1/1/2018- 31/12/2018)
 - 3) Kerja-kerja menaiktaraf lampu Jalan di Taman Harmoni dan panel meter di Taman Semenyih dan Bandar Tasik Kesuma, RM180K (26/7/2018 – 19/8/2018)
 - 4) Kerja-kerja naiktaraf Lampu Taman/padang permainan di Taman Tan Sri Manikavasagam, Taman Pelangi Semenyih dan Bandar Rinching Seksyen . RM115K (26/7/2018 – 19/8/2018)
- b) Perkara ini di bawah selian pihak Jabatan Kerja Raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : RANCANGAN EKONOMI PERTANIAN SEMENYIH

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pelan atau rancangan bagi membina satu kawasan di Semenyih bagi tujuan industri kecil dan sederhana (IKS) untuk membantu penduduk tempatan menaikkan taraf ekonomi mereka?
- b) Berapa peruntukan yang disediakan kepada petani-petani kecil di Selangor? Petani di Beranang minta peruntukan bagi membangunkan kawasan penanaman serai dan ditukar kawasan penanaman padi kepada serai.

JAWAPAN:

- a) Belum ada perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk tujuan ini. Walau bagaimanapun perkara ini boleh dipertimbangkan untuk perlaksanaan di masa hadapan.
- b) Dalam tempoh 2016 hingga 2018, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah memberi bantuan berjumlah RM 79,050 kepada penanam serai di Beranang bagi membantu mereka membangunkan kawasan tanah sawah yang kini ditukar kepada tanaman serai. Petani yang ingin memohon bantuan boleh terus berhubung dengan Jabatan Pertanian Daerah Hulu Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SUKAN DAN REKREASI

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk memajukan sukan bagi setiap daerah?
- b) Berapa peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk sukan bagi setiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah mewujudkan Majlis Sukan Daerah yang bertanggungjawab menjalankan program-program pembangunan sukan di peringkat akar umbi. Jenis-jenis peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Daerah untuk memajukan sukan adalah seperti berikut:-
 - i. Penyediaan Pasukan Daerah untuk Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) yang diadakan setiap dua tahun sekali.
 - ii. Program Pembangunan di bawah Majlis Sukan Daerah (MSD)
 - iii. Program Pusat Latihan Majlis Sukan Daerah (PLMSD)
 - iv. Akademi Bolasepak Merah Kuning Daerah – daerah (ABMK)
- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri tiada peruntukan khusus untuk program sukan bagi setiap DUN kerana peruntukan yang sedia ada adalah melalui daerah seperti yang dinyatakan di (a).

Pihak Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan sejumlah RM40 ribu setiap DUN untuk kemudahan baikpulih dan penyelenggaraan infrastruktur di setiap DUN melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN).